




# PARLIMEN MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT**

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2018

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**


**HARI RABU : 21 MAC 2018**



## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO.4, NO.10 HINGGA NO.63 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**



**SOALAN NO. : 4**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan di bawah Perjanjian Iklim Paris (Paris Climate Agreement), terdapat suatu perjanjian global yang menyatakan untuk mengekalkan suhu daripada meningkat sebanyak 2 darjah celsius. Apakah tindak balas Kerajaan Malaysia kepada perjanjian tersebut daripada aspek kerjasama global.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara hasil utama Persidangan Ke-21 Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) adalah Paris Agreement yang telah dipersetujui pada 12 Disember 2015. Malaysia telah menandatangani Paris Agreement pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016.

Antara tindakan susulan Paris Agreement yang perlu dilaksanakan oleh semua negara Parti kepada perjanjian tersebut adalah menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gases* – GHG) yang dikenali sebagai Nationally Determined Contributions (NDC) setiap 5 tahun sekali. NDC merupakan sumbangan sesebuah negara kepada usaha global untuk menangani impak perubahan iklim bagi tempoh pasca-2020 di bawah Paris Agreement. Malaysia telah mengemukakan *Intended* NDC (INDC) kepada UNFCCC pada 27 November 2015.

Menurut INDC tersebut, Malaysia berhasrat untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45% berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35% akan dilaksanakan tanpa syarat (*unconditional*) manakala baki 10% lagi adalah bersyarat (*conditional*) dan tertakluk kepada penerimaan peruntukan

4

keuangan, pemindahan teknologi, dan pembangunan kapasitas daripada negara maju.

Sekian, terima kasih.

5

**SOALAN NO. : 10**

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. IZANI BIN HUSIN  
[PENGKALAN CHEPA]**

**TARIKH : 21 MAC 2018 (RABU)**

**SOALAN:**

**Dr. Izani Bin Husin [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI SUMBER  
ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan adakah Kementerian  
bercadang untuk mendalamkan Kuala Besar, Kota Bharu.**



**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerja-kerja mendalamkan Muara Sungai Kelantan adalah termasuk dalam salah satu komponen utama Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Kelantan bagi menangani isu banjir di Lembangan Sungai Kelantan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Kelantan telah pun melantik satu syarikat secara konsesi untuk melaksanakan kerja-kerja mengorek dan mengeluarkan pasir untuk di eksport daripada Muara Kuala Besar, Kota Bharu iaitu melibatkan Muara Sungai Kelantan. Sehubungan dengan itu, komponen kerja ini tidak dilaksanakan oleh Kementerian di bawah PLSB Sungai Kelantan.

Sekian, terima kasih.